



Jawapan

Pelajaran 12

1. Meyakini bahawa Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul kepada umat manusia dan meyakini pengutusan 25 orang rasul yang disebutkan dalam al-Quran secara khusus.
2. Rasul telah beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): "Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya".

3. Nabi	Rasul
Lelaki yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan wahyu kepadanya tetapi tidak diperintah menyampaikannya kepada orang lain.	Lelaki yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan wahyu kepadanya serta diperintah menyampaikannya kepada orang lain.

4. **Sifat wajib:** Siddiq, Amanah, Tabligh, Fatanah
Sifat mustahil: Kazib, Khianat, Kitman, Baladah
Sifat harus: Basyariah (sifat yang ada pada manusia) seperti makan, minum, tidur, beristeri dan sebagainya
5. (a) Manusia dan nabi pertama di bumi yang dicipta daripada tanah
(b) Dihantar ke bumi Mekah ketika masih kecil oleh bapanya, Nabi Ibrahim
(c) Daripada keturunannya lahir golongan Bani Israel
(d) Merupakan putera kepada Nabi Ishak
(e) Merupakan putera Nabi Yaakub
(f) Berjaya menawan empayar Saba'
(g) Mukjizat baginda terzahir apabila dilahirkan tanpa bapa
(h) Diutuskan kepada seluruh umat manusia hingga ke akhir zaman
6. (a) Manusia lebih mudah beriman kepada rasul apabila dapat membuktikan kerasulannya dengan mukjizat
(b) Menjadi contoh ikutan yang sempurna
(c) Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah di bumi
7. Ismaturrasul dari segi bahasa bermaksud terpelihara daripada sesuatu yang buruk manakala dari segi istilah bermaksud pemeliharaan Allah SWT terhadap para rasul daripada melakukan dosa dalam apa bentuk sekali pun sama ada dosa kecil atau dosa besar.
8. (a) Bahasa: Yang melemahkan
Istilah: Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka
(b) (i) Mukjizat maknawi, iaitu mukjizat yang akan diketahui keluarganya dengan menggunakan akal fikiran.
(ii) Mukjizat hissiyah, iaitu mukjizat yang dapat dilihat dan dirasa dengan pancaindera.

9. Rasul-rasul yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah
10. (a) Diuji oleh Allah dengan perintah menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail
(b) Sabar menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah selama 950 tahun walaupun hanya sebahagian kecil sahaja yang beriman
(c) Berhadapan dengan Firaun yang zalim dan berhijrah ke Palestin bersama Bani Israel yang degil dan ingkar
(d) Berhadapan tentangan musyrikin Quraisy di Mekah dan tentangan Yahudi dan Munafik di Madinah

11. Aktiviti murid

Praktis Masteri 12

Bahagian A

1. C 2. C 3. A 4. D 5. A
6. C 7. C 8. C

Bahagian C

1. (a) (i) Sifat wajib
(ii) Sifat mustahil
(iii) Sifat wajib
(iv) Sifat mustahil
(b) (i) Iman
(ii) wajib
(iii) batal
(iv) keempat
(c) Perkara luar biasa yang dikurniakan Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka
(d) Saya akan mengamalkan sifat amanah dengan melakukan segala suruhan-Nya seperti menunaikan solat fardu tanpa culas. Selain itu, saya juga akan melaksanakan amanah yang diberikan kepada saya dengan baik, contohnya saya akan melaksanakan tugas saya sebagai pengawas sekolah dengan amanah, iaitu tidak menjatuhkan hukuman denda kepada mereka yang melanggar peraturan sekolah secara berat sebelah. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjaga amanah yang diberikan agar menjadi manusia yang boleh dipercayai.
(e) (i) Rasul yang memiliki kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah
(ii) Saya akan belajar dengan tekun dan sabar menghadapi segala dugaan ketika belajar seperti tidak memahami topik pelajaran di sekolah. Dalam hal ini, saya akan tetap berusaha untuk mengatasinya dengan baik seperti menguatkan semangat dan memperbanyakkan ulang kaji. Oleh itu, segala cabaran dapat ditempuh dengan baik hingga berjaya